

# Kerajaan terpaksa beri keutamaan tentang ancaman habis2an — Dr. M Keselamatan: Belanja pembangunan akan dipotong jika....

U.M. 30 JUNI 1976

**J**OHOR BHARU, 29 Jun — Timbalan Perdana Menteri, (Dr. Mahathir Mohamad hari ini membayangkan kemungkinan kerajaan memotong belanja pembangunan jika keadaan memaksa bagi menghadapi ancaman terhadap keselamatan.

Tegasnya, kerajaan terpaksa memberi keutamaan untuk menentang ancaman ini habis-habisan.

"Oleh yang demikian wang yang banyak perlu diperuntukkan bagi tujuan keselamatan. Ini bermakna sebahagian dari perbelanjaan untuk usaha-usaha pembangunan mungkin dipotong jika keadaan memaksa.

"Jika ini berlaku rakyat juga yang akan menerima kesannya yang buruk oleh kerana mereka akan kurang mendapat nikmat dari usaha-usaha pembangunan di negara ini," katanya.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran telah berucap merasmikan pembukaan bangunan Sekolah Menengah Teknik di sini perang ini.

Beliau yakin rakyat dan ibubapa faham tentang pentingnya keutamaan diberi kepada masalah keselamatan. "Jika keselamatan tidak ada, sekolah yang baik tidak akan berguna kerana penggunaannya mungkin tersekat; dengan ini pelajaran juga akan merosot", tambahnya.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan kerajaan akan terus memberi kemudahan-kemudahan pelajaran sebanyak yang dapat oleh



DR. MAHATHIR

kerana ia merupakan salah satu senjata yang berkesan bagi menjamin keutuhan negara ini.

Dr. Mahathir berkata di samping melengkapkan murid-murid dengan ilmu pengetahuan untuk tujuan hidup, mereka juga perlu diberi fahaman yang jelas tentang sistem pemerintahan negara yang berasaskan demokrasi berparlimen.

Beliau berharap dalam pengajaran sivik dan sejarah, guru-guru akan memberi penjelasan mendalam dan jelas kepada murid-murid tentang faedah sistem pemerintahan dalam demokrasi sebagaimana diamalkan di negara ini sekarang.

Rakyat perlu faham bagaimana sistem pemerintahan hari ini boleh menjamin hidup mereka

yang lebih bebas dan makmur. Dalam pemerintahan sekarang rakyat boleh bersuara dan memberi pendapat untuk memajukan negara.

Mereka juga boleh memilih siapa yang mereka suka dalam pilihanraya untuk mewakili mereka dan menyampaikan hasrat serta pendapat kepada kerajaan mengikut peraturan dan undang-undang yang sah.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru, beliau berkata marilah menambah penyertaan Melayu dalam bidang perusahaan dan perniagaan tidak akan tercapai jika orang Melayu tidak sanggup mengubah sikap supaya ingin dan berani memasuki bidang-bidang ini.

Di samping itu pengetahuan mengenai perusahaan dan perniagaan juga diperlukan kerana tanpa ilmu mengenainya mereka tidak akan dapat menguruskan bidang tersebut dengan cekap.

Dr. Mahathir menekankan selain pelajaran di bidang teknik, pertanian moden dan perdagangan, pendidikan agama dan akhlak juga adalah penting.

Pemilikan kekayaan harta benda tanpa akhlak dan budi pekerti yang tinggi boleh mendorong seseorang hidup mengikut kehendak hawa nafsu saja.

Mereka boleh bertindak mengikut kehendak hati; mereka sanggup melakukan apa sahaja walaupun yang tidak diingini oleh masyarakat kerana mereka menggunakan wang yang ada pada mereka, tambahnya.